

Langkah kurangkan kadar kematian

1,559 kes maut nahas kenderaan babit kanak-kanak direkod dari 2007 hingga 2017

Oleh Fairuz Zaidan dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Bermula 1 Januari tahun depan, kerajaan akan mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan bagi mengurangkan

kadar kematian atau kecederaan akibat kemalangan.

Langkah baharu itu susulan statistik yang membimbangkan apabila seramai 1,559 kematian dicatatkan membabitkan kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dari tahun 2007 hingga 2017.

Mengumumkan demikian, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata negara kehilangan satu nyawa setiap 84 minit akibat nahas jalan raya.

“Kanak-kanak adalah golongan yang turut sama berada di atas jalan raya dan mereka juga terdedah kepada risiko yang tinggi terhadap kecederaan sekiranya terbabit dalam nahas jalan raya.

“Child Restraint System (CRS) atau kerusi keselamatan kanak-kanak adalah direka khas untuk melindungi kanak-kanak di dalam kenderaan ketika berlakunya pelanggaran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Minggu Keselamatan Kenderaan 2019 dan Majlis Pelancaran Pelaksanaan Mewajibkan Penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak di Malaysia di Makmal Ujian Pelanggaran di Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Menteri, Adly Zahari dan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Dr Wan Azizah menjelaskan,

penggunaan CRS dalam kalangan negara maju adalah tidak asing bagi mengurangkan impak pelanggaran kepada penumpang kanak-kanak dan bayi.

“Kerusi keselamatan kanak-kanak yang akan digunakan di Malaysia perlu mengikut standard ditetapkan oleh United Nation Regulations, iaitu R44 dan R129.

“Langkah ini adalah sangat tepatan dengan visi mengurangkan kadar kematian dan kecederaan serius dalam kalangan pengguna jalan raya,” katanya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu berkata, sifat keibuannya yang mendalam mendorong beliau untuk memberi nasihat kepada orang

ramai supaya menitik beratkan soal keselamatan anak, terutama di dalam kenderaan.

Beliau yakin usaha itu akan mendapat perhatian dan sokongan ibu bapa dan penjaga kerana keselamatan kanak-kanak sepatutnya menjadi keutamaan setiap masa.

Sementara itu, Loke berkata, hanya satu pertiga atau kira-kira 36 peratus daripada pengguna jalan raya di negara ini yang menggunakan CRS.

Justeru, beliau menegaskan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan meningkatkan kempen kesedaran berhubung penggunaan CRS di media cetak dan elektronik, papan gergasi, poster info grafik dan media sosial.